

Hukum Hudud Tidak Harus Didebatkan Oleh Bukan Islam dan Bukan Ilmuan Agama

Bernamea

May 9, 2014

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Pelaksanaan hukum hudud tidak seharusnya dibebat secara terbuka oleh golongan bukan islam dan yang bukan ilmuan Islam bagi mengelakkan tercetusnya kekeliruan di kalangan masyarakat negara ini.

Ketua Umno Bahagian Cheras, Datuk Seri Syed Ali Alhabshee berkata ini kerana tidak molek hudud, salah satu undang-undang Islam yang terkandung di dalam kitab suci al-Quran, dipersoalkan secara terbuka termasuk oleh bukan Islam.

Saya kkuatir akibatnya ajaran Islam akan dipersenda atau diperlekehkan oleh pihak tertentu," katanya dalam laman blog www.umnobahagiancheras.blogspot.com.

Justeru katanya bantahan parti-parti politik yang mewakili bukan Islam terhadap cadangan pelaksanaan hukum hudud tidak sewajarnya dibahaskan menerusi media atau forum secara terbuka.

Bagaimanapun beliau tidak menolak timbulnya persepsi negatif bukan Islam terhadap hukum hudud kerana mereka tidak diberikan penerangan yang jelas mengenainya.

Kekeliruan itu mungkin berlaku kerana tidak ada usaha dilakukan untuk memperjelaskan secara terperinci tatacara dan implikasi hukum tersebut jika dilaksanakan, katanya.

Syed Ali berkata tokoh-tokoh agama termasuk mufti boleh berperanan untuk menjelaskan kepada bukan Islam berhubung isu berkenaan.

Mengulas kenyataan Timbalan Presiden MCA Datuk Wee Ka Siong bahawa parti itu akan mengkaji kedudukannya dalam Barisan Nasional (BN) jika Umno menyokong pelaksanaan hukum Hudud, beliau berkata MCA tidak sepatutnya membuat keputusan terburu-buru.

Sebagai rakan dalam BN, sepatutnya mereka boleh rujuk kepada Majlis Tertinggi

Umno untuk mendapatkan penjelasan, katanya.

Syed Ali berkata sebagai parti komponen dalam BN, MCA sepatutnya menggunakan saluran yang betul untuk meluahkan ketidakpuashatian mereka.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1037054>